

**PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST)**  
**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**  
**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**ARAHAN PENGURUSAN BIL. 2 TAHUN 2020**  
**ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN KE PEJABAT**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Arahan pengurusan ini dikeluarkan sebagai rujukan kepada kakitangan CIAST supaya wujud keseragaman (*uniformity*) dan konsistensi cara berpakaian dan penampilan diri bagi melahirkan imej korporat CIAST.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Arahan ini menjelaskan secara terperinci mengenai tatacara berpakaian berdasarkan peraturan-peraturan yang sedang berkuat kuasa yang dikeluarkan oleh agensi pusat. Kakitangan CIAST hendaklah memberi perhatian serius terhadap perkara ini kerana kegagalan mematuhi peraturan-peraturan ini boleh menyebabkan kakitangan CIAST diambil tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
- 2.2 CIAST merupakan salah sebuah jabatan yang sering berurus dengan pelbagai kumpulan pelanggan dan agensi lain dalam melaksanakan tugas harian. Oleh yang demikian, adalah penting untuk CIAST menonjolkan imej profesional, termasuk aspek keterampilan dan tatacara berpakaian ke pejabat.

### 3. **ARAHAN**

#### 3.1 **PENJAWAT AWAM LELAKI**

- 3.1.1 Bagi pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Pelaksana 1 Gred 29 ke atas :
- Seluar panjang serta baju kemeja berlengan panjang dan bertali leher. Lengan baju tidak boleh dilipat.
  - *Lounge Suite* atau *bush jacket* dengan bahan kain yang sesuai.
- 3.1.2 Bagi pegawai-pegawai dalam Kumpulan Pelaksana 1 gred 1-26
- Seluar panjang berserta baju kemeja dengan warna sesuai, baju hendaklah dimasukkan ke dalam; jika baju tersebut berlengan panjang; tangan baju tidak boleh dilipat.
  - Pemakaian baju batik pada setiap hari Khamis (Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil.1 Tahun 2008)
  - Pakaian baju melayu lengkap dengan bersamping dan bersongkok warna gelap dipakai pada hari Jumaat.
  - Kasut kulit atau lain-lain kasut yang sejenis dengannya.

#### 3.2 **PENJAWAT AWAM WANITA**

- 3.2.1 Pakaian yang sesuai dan kemas serta sopan dipakai selari dengan amalan akhlak yang mulia. Pakaian yang dibenarkan adalah Pakaian Kebangsaan atau pakaian kaum masing-masing yang sesuai dipakai semasa kerja seperti berikut:
- Baju kurung
  - Baju kebaya labuh dan longgar
  - Pemakaian *Suite* bagi pegawai wanita boleh dipakai dengan seluar panjang dan *skirt* labuh yang diperbuat daripada bahan yang bersesuaian dan padan dari segi corak dan warna. Warna gelap adalah digalakkan. Kot mesti melebihi sedikit daripada paras punggung. Seluar panjang hendaklah tidak ketat dan mencolok mata.

ARAHAN PENGURUSAN BIL. 2 TAHUN 2020  
ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN KE PEJABAT

- Kemeja berlengan panjang dan berskirt labuh
- Sari yang tidak mendedahkan Bahagian badan
- Sut Punjabi lengkap bersetelendang
- Kasut bertutup.

### **3.3 PAKAIAN SERAGAM / BAJU KORPORAT (LELAKI DAN WANITA)**

- 3.3.1 Pegawai awam yang dibekalkan dengan pakaian seragam wajib memakainya semasa bekerja
- 3.3.2 Pemakaian baju korporat CIAST adalah setiap hari Khamis. Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bilangan 2 Tahun 2020 telah bersetuju bahawa setiap hari Khamis merupakan hari berpakaian korporat.

### **3.4 PAKAIAN BATIK (LELAKI DAN WANITA)**

- 3.4.1 Pegawai-pegawai awam yang tidak menggunakan pakaian seragam diawajibkan memakai baju batik lengan berkollar/cekak musang buatan Malaysia pada setiap hari Khamis dan juga semasa majlis-majlis rasmi yang mensyaratkan pemakaian jenis pakaian tertentu. Arahan pemakaian batik pada setiap hari Khamis ini tidak terpakai kepada pegawai yang dibekalkan dengan pakaian seragam, pegawai yang menghadiri acara-acara rasmi seperti persidangan-persidangan antarabangsa, perjumpaan dengan pelawat-pelawat asing atau pegawai yang menghadiri majlis rasmi yang menetapkan pemakaian jenis pakaian yang lain. Ini selaras dengan kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2008.

### 3.5 **PAKAIAN YANG TIDAK DIBENARKAN BAGI PENJAWAT AWAM LELAKI**

- Berpakaian mencolok mata (jarang, nipis, singkat atau terlalu ketat).
- Memakai t-shirt, seluar pendek atau jeans pada waktu pejabat.
- Memakai tali leher jika baju lengan pendek, kecuali uniform
- Memakai baju melayu yang tidak lengkap pada hari Jumaat (tanpa songkok atau samping atau memakai kain pelekat)
- Memakai baju yang melambangkan parti politik atau syarikat perniagaan.
- Memakai selipar, kasut getah, sandal atau kasut sukan.
- Melipat lengan baju kemeja berlengan panjang.

### 3.6 **PAKAIAN YANG TIDAK DIBENARKAN BAGI PENJAWAT AWAM WANITA**

- Berpakaian mencolok mata (jarang, nipis, singkat atau terlalu ketat).
- Memakai t-shirt, seluar pendek atau jeans pada waktu pejabat.
- Memakai selipar, kasut getah, sandal atau kasut sukan.
- Memakai barang hiasan yang berlebihan.
- Memakai skirt pendek
- Pakaian yang menutup muka

## 4. **TANGGUNGJAWAB KETUA PROGRAM/BAHAGIAN/UNIT**

- 4.1 Ketua Program/Bahagian/Unit hendaklah memastikan agar peraturan ini dipatuhi setiap masa. Pengawasan dan pengawalan yang berterusan hendaklah dilaksanakan dari semasa ke semasa.
- 4.2 Kegagalan mematuhi peraturan ini boleh menyebabkan tindakan tatatertib diambil terhadap kakitangan yang terlibat. Ketua Program/Bahagian/Unit hendaklah bertanggungjawab terhadap kakitangan bawahannya dalam mematuhi arahan ini.

## 5. TARIKH KUAT KUASA

5.1 Arahan ini adalah berkuat kuasa pada 1 Disember 2020.

## 6. PEMATUHAN ARAHAN

6.1 Etika dan Penampilan ke Pejabat ini adalah tertakluk kepada arahan sedia ada yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan hendaklah digunakan bersama-sama dengan arahan pengurusan CIAST dari semasa ke semasa:-

- a) Pekeliling Perkhidmatan 2 Tahun 1985 – Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-upacara Rasmi bagi Pegawai Awam;
- b) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib), 1993;
- c) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2006 – Fesyen Pakaian Alternatif sebagai Pakaian semasa bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi;
- d) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2008 – Pemakaian Pakaian Batik Malaysia oleh Pegawai Awam pada Hari Khamis; dan
- e) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2013 – Pemakaian *Two/Three-Piece Pant Suit* Bagi Pegawai Awam Wanita Semasa Bekerja

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pekerja dan Cabaran Budaya Norma Baharu"

(TS. DR. MOHAMAD BIN SULAIMAN K.M.N)

Pengarah CIAST

Shah Alam, Selangor

Tarikh : *7* Disember 2020